

**Malaysia Dipilih Anggota Majlis Operasi Pos Pada Kongres Pos Universal Di Qatar
Bernama
11 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Malaysia dipilih menganggotai Majlis Operasi Pos (POC) pada Kongres Kesatuan Perkhidmatan Pos Universal (UPU) ke-25 di Doha, Qatar, Rabu.

Jawatan dalam POC, yang mempunyai 40 negara anggota, menyaksikan pertandingan sengit oleh anggota UPU.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz, yang mengetuai delegasi Malaysia ke kongres itu berkata: "Kemenangan ini mencerminkan kepercayaan dan keyakinan negara anggota UPU terhadap sumbangan dan kepimpinan Malaysia dalam pelbagai jawatankuasa dan kumpulan kerja UPU."

Dalam kenyataan media yang dihantar kepada Bernama di sini hari ini, Pos Malaysia Berhad berkata delegasi Malaysia dianggotai para pegawai kanan kementerian berkenaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Pos Malaysia Berhad.

Majlis itu bertanggungjawab menangani isu berkaitan operasi teknikal sektor perkhidmatan pos antarabangsa, di samping mempromosi produk pos terkini dan mengemukakan syor kepada negara anggotanya berkaitan standard teknologi dan operasi serta proses lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701196>